

MEDIA BAHARU DAN PEMUGARAN MINAT TERHADAP PENDIDIKAN SEJARAH DI MALAYSIA: SUATU PENELITIAN

Mohamed Ali Haniffa

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

E-mail: m.ali@uum.edu.my

Mohd Kasri Saidon

Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia

E-mail: kasri@uum.edu.my

Zolkefli Bahador

Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia

E-mail: zolkefli@uum.edu.my

Nor Azlah Sham Rambely

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

E-mail: azlah@uum.edu.my

ABSTRAK

Sejarah membuktikan bahawa perubahan merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan dan pada masa yang sama, masa perlu dikejar. Era digitalisasi menyebabkan berlakunya peralihan terhadap penggunaan media baharu dalam pendidikan. Ledakan teknologi maklumat dan komunikasi membawa perubahan kepada dunia digital dalam segenap aspek kehidupan. Pendemokrasian pendidikan menggalakkan golongan pendidik menggunakan pendekatan multidisiplin dalam pembelajaran sejarah agar bersifat interaktif dan menarik. Walau bagaimanapun, penggunaan media baharu dalam pembelajaran sejarah masih belum dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pendidik di Malaysia. Tumpuan penelitian dalam artikel ini ialah mengenai penggunaan media baharu dalam perkembangan disiplin sejarah di Malaysia. Inovasi teknologi komputer diharapkan dapat meningkatkan kemudahan berkomunikasi dan menawarkan peluang mengakses maklumat yang pelbagai. Sejarah Gunaan adalah disiplin baharu yang diperkenalkan bagi memartabatkan sejarah yang sering dilabel sebagai ketinggalan zaman. Perbincangan dan penulisan artikel ini bersandarkan kepada kaedah penyelidikan kepustakaan melibatkan sumber sekunder dan media baharu di Malaysia. Hasil penelitian mendapati bahawa kebijakan dalam penggunaan media baharu adalah salah satu alternatif yang mampu memartabatkan bidang pengajian sejarah di Malaysia. Hal yang demikian menjadi sebahagian rencah penting dalam usaha memugar minat generasi muda dan masyarakat keseluruhannya terhadap bidang sejarah di Malaysia.

Kata Kunci: Media Baharu; digitalisasi; Sejarah Gunaan

1. PENGENALAN

Sejarah merupakan satu bidang yang dinamik. Walaupun secara konservatif sering digambarkan sebagai “history is for the winner,” namun ia sebenarnya merupakan gambaran kehidupan masyarakat sezaman. Bidang sejarah berkembang menjadi disiplin ilmu yang menceritakan tentang manusia dan masyarakat serta berada dalam landasan ilmunya yang tersendiri. Kemunculan bidang sains yang menguasai disiplin sains sosial dan kemanusiaan memberikan impak yang besar terhadap bidang sejarah. Sejarah merupakan cabang ilmu yang hidup dan signifikan sebagai pemangkin memugar nasionalisme, patriotisme, jati diri serta mempersiapkan generasi menjadi warganegara yang bertanggungjawab. Kini, kebanyakan ilmu sejarah berada dalam keadaan yang terpisah dan menyebabkan berlakunya proses pembelajaran secara terasing (Mohamed Ali Haniffa, 28 Januari 2025: 1).

Mata pelajaran Sejarah memainkan peranan penting untuk menerapkan semangat patriotik kepada pelajar demi memupuk dan memperkukuh semangat setia negara serta jati diri sebagai warga negara Malaysia dan warga dunia (Rozita & Zaliza, 2005: 106). Pelajar dapat memahami keadaan masyarakat dan negara kita serta hubungannya dengan sejarah dunia dengan menghayati sejarah tanah air. Tambahan pula, pengajaran dan pembelajaran sejarah adalah amat bersesuaian dengan perkembangan intelek, rohani, emosi serta jasmani pelajar seperti mana yang diaspirasikan dalam Falsafah Pendidikan Negara (Hazri Jamil, 2003: 15).

2. METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam membincangkan beberapa persoalan yang dilontarkan mengenai media baharu dan pemugaran minat terhadap pendidikan sejarah. Hal yang demikian menyebabkan metode penyelidikan kepustakaan melibatkan analisis sumber sekunder dan media baharu di Malaysia digunakan. Antaranya meliputi buku-buku, akhbar dan laman sesawang turut digunakan. Di samping itu tembual bersama informan juga digunakan. Kepelbagaian metode yang digunakan diharapkan dapat merungkai persoalan yang dibincangkan dalam artikel ini.

3. PERBINCANGAN

3.1 Implementasi Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS)

Dasar Pembangunan Kurikulum melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menyatakan beberapa anjakan perlu dilaksanakan untuk meningkatkan kedudukan mata pelajaran sejarah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013). Dalam konteks pelaksanaan yang sebenarnya, tanggapan pelajar terhadap subjek sejarah masih tidak berubah. Antara lain, pelajar-pelajar masih beranggapan bahawa subjek sejarah merupakan pembelajaran yang sukar dan membosankan (Ford, 2015). Terdapat sebahagian pelajar yang mempunyai konsep dan tanggapan yang salah terhadap sejarah dan tidak memandangnya sebagai satu disiplin pengetahuan. Hal yang demikian berlarutan apabila terdapat kelemahan pengajaran guru Sejarah. Ini diterjemahkan dalam bentuk pencapaian yang agak rendah dan sikap murid memandang negatif terhadap mata pelajaran Sejarah (Anuar et al., 2009).

Persepsi negatif mahasiswa dan mahasiswi terhadap mata pelajaran berorientasikan sejarah sering kali menjadi perbincangan. Mata pelajaran tersebut juga dianggap tidak popular walaupun dikategorikan sebagai Kursus Teras Universiti dan hanya diperlukan bagi melengkapkan proses pengijazahan sahaja (Wawancara Webex Zulhilmi Paidi, 2021). Keadaan ini turut membimbangkan apabila disusuli dengan teknik PdPc yang tidak kontemporari dan lebih mendominasi proses instruksional tanpa merangsang minat serta kecenderungan pelajar berfikir. Kekangan di pihak fasilitator seperti tahap kepelbagaian keupayaan pelajar dan demografi yang menjejaskan keberkesanan PdPc turut disuarakan oleh para pendidik (Wawancara Webex Salmah Omar, 2021).

Sukatan kandungan mata pelajaran yang agak banyak dan perlu dihabiskan dalam tempoh pengajian selama 14 minggu turut dijadikan alasan tidak minat terhadap kursus tersebut. Hal yang demikian menjadi serius apabila para pensyarah yang bukan bidang kepakaran turut terlibat dalam proses PdPc. Justeru itu, para pensyarah baharu menghadapi sedikit kekangan kerana ketiadaan asas kukuh dalam metode penyampaian kursus. Namun perlu diingat bahawa model pembelajaran yang berfokuskan *Student Centered Learning* (SCL) dan mampu mengubah iklim pembelajaran menjadi kondusif, kreatif serta berinformasi dan menyeronokkan perlu diwujudkan (Mohamed Ali Haniffa, 2023: 132). Hal yang demikian mampu memberikan suntikan motivasi dan rangsangan kepada mahasiswa dan

membetulkan persepsi negatif terhadap pembelajaran kursus berorientasikan sejarah. Harapannya ialah agar KPS yang diimplementasikan mampu meningkatkan minat dan motivasi pelajar terhadap kursus sejarah yang diperkenalkan nanti.

KPS merangkumi lima proses utama dan perlu dikuasai. Peringkat pertama ialah memahami kronologi iaitu melihat masa lalu, kini dan masa akan datang mengikut urutan sesuatu peristiwa sejarah yang berlaku (Kaviza, 2021: 490). Sebelum memulakan pembelajaran, para fasilitator perlu memberikan maklumat jelas mengenai objektif yang seharusnya dicapai oleh pelajar. Pelajar akan diberikan bimbingan untuk memahami kronologi. Antara elemen penting dalam fasa ini ialah “melihat masa lalu, kini, dan masa hadapan.” Di samping itu, pelajar akan didedahkan dengan konsep masa dan memahami konversi masa. Kemahiran kedua ialah meneroka bukti yang membantu dalam mendalami pemahaman murid mengenai sejarah. Antaranya ialah kemahiran dalam membuat banding beza sumber primer dan sekunder. Penguasaan kemahiran ini dapat membantu murid untuk menyaring maklumat yang diterima secara lebih sistematik dan disokong dengan bukti kukuh (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2015). Pelajar akan dibimbing untuk mendapatkan maklumat daripada sumber yang diperoleh dengan menyediakan tugas berdasarkan topik yang dipelajari. Pelajar-pelajar akan diminta menentukan signifikan, tarikh, tokoh, lokasi peristiwa dan bagaimana peristiwa tersebut berlaku.

Kemahiran interpretasi membantu menafsirkan hasil pembacaan dan pengumpulan maklumat dari sumber sejarah yang pelbagai. Ini membolehkan pelajar lebih memahami perkaitan antara fakta sejarah dan tafsiran sejarah dengan baik berbanding secara naratif. Tahap kemahiran yang memerlukan pemikiran kognitif yang tinggi ialah kemahiran imaginasi. Kemahiran imaginasi ialah secara visual dan empati. Empati merujuk kepada proses penilaian sejarah menurut kaca mata sumber atau subjek sejarah yang terlibat. Peristiwa atau maklumat sejarah dapat difahami dengan lebih mendalam melalui kemahiran imaginasi. Ini dilakukan secara visual seperti gambar, tayangan video, dokumentari dan juga melalui nilai empati (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2015). Kemahiran ini juga bermakna, masa lalu boleh difahami menerusi pemerhatian dan interpretasi yang sistematik seterusnya membantu kehidupan lebih baik masa hadapan. Justeru itu, pelajar dikehendaki membuat tafsiran sesuatu peristiwa dan membezakan antara tafsiran dengan perspektif. Pelajar berkongsi pengalaman secara imaginasi dan menyatakan pandangan seolah-olah melibatkan diri dalam peristiwa sejarah. Mereka boleh membuat imaginasi secara visual dan empati untuk perkongsian bagi meningkatkan kefahaman. Kemahiran ini sangat penting untuk dikuasai supaya tidak berlaku anakronisme dalam fakta sejarah.

Pelajar akan dibimbing untuk membezakan antara fakta sejarah dengan tafsiran sejarah melalui aktiviti-aktiviti berfokuskan SCL seperti *Brainstorming*, *Three Minutes Each Away*, *Snowballing*, *Buzz Groups*, dan *Syndicates*. Penguasaan empat kemahiran asas ini akan membawa para pelajar untuk mencapai kemahiran rasionalisasi. Rasionalisasi melibatkan penggunaan akal untuk membuat pertimbangan yang wajar dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan. Kemahiran ini adalah peringkat yang paling tinggi dari segi kognitif. Pelajar-pelajar perlu berfikir secara kritikal, kreatif, menganalisis, sintesis dan membuat penilaian maklumat serta peristiwa sejarah untuk menerima atau menolak sesuatu maklumat atau peristiwa itu sebagai sejarah atau tidak secara rasional (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2015). Mereka akan dibimbing untuk mengumpul data, hipotesis, dan menentukan signifikan bukti serta membuat inferens. Pelajar akan membuat rasionalisasi melalui kajian bahan yang diberikan secara kritis (Jemaah Nazir, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Hasil perbincangan bersama kumpulan akan diterjemahkan dalam bentuk tugas mengikut lima kemahiran dalam KPS.

Sebagai rumusannya dapat dibuktikan bahawa KPS adalah satu kaedah yang dapat digunakan untuk menganalisis maklumat sejarah secara inkuiri. Stoel et. al (2015) menyatakan bahawa adalah menjadi tugas guru dalam mewujudkan suasana kelas dan pengajaran yang dapat merangsang serta mengekalkan minat dan perhatian murid sepanjang sesi PdPc. Hal yang demikian dapat melibatkan pelajar-pelajar dalam proses pemikiran yang lebih tinggi.

3.2 Media Baharu dan Pemugaran Minat

Media baharu wujud setelah kemunculan teknologi yang semakin maju pada abad ke 19 lagi. Media baharu telah mengubah corak pemikiran dan sosial masyarakat seluuh dunia kea rah yang lebih pantas dan rasional. Antara media baharu yang sering digunakan dalam urusan kehidupan seharian ialah blog, internet, *facebook*, *youtube* dan sebagainya (<https://khairulanam.weebly.com/sejarah-media-baru.html>). Sejarah membuktikan bahawa perubahan merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Walaupun sejarawan terikat dengan memori dan peristiwa silam namun mereka perlu akur dan bergerak seiring dengan perubahan masa. Kini manusia telahpun berada dalam era Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). TMK juga telah mempengaruhi disiplin sejarah khususnya yang berkaitan dengan metodologi penyelidikan. Peranan dan kepentingan TMK tidak dapat dinafikan kerana memberikan kelebihan dan faedah yang besar. Justeru itu, langkah bijak yang sepatutnya digunakan ialah bergerak seiring dan memanipulasi teknologi ke arah kebaikan.

Dalam usaha ini, pihak yang mempunyai autoriti dalam penyimpanan rekod seharusnya bergerak seiring. Tujuannya ialah untuk memastikan sistem akses fail dimasukkan dalam pangkalan data agar boleh dimanfaatkan oleh khalayak pengguna. Sebagai contohnya ialah bagi pengkaji yang terpaksa memerlukan akses rekod yang melibatkan negara lain, pangkalan data adalah merupakan satu keperluan yang tidak dapat dielakkan. Banyak rekod yang terdapat di arkib luar negara seperti dari koleksi *British Newspaper Library* di Colindale, London, *British Foreign Office*, *British Library*, *National Archives*, London ataupun di pelbagai arkib di India (Shakila Yacob, 2015: x).

Sekiranya TMK dapat memudahkan penyebaran dan penggunaan maklumat ini, maka akan memberikan manfaat besar kepada sejarawan yang berminat dengan pencarian data sahaja yang tulen dan berautoriti. Sarjana atau para ahli akademik perlu sanggup berkongsi data dengan sesiapa sahaja yang memerlukan bahan tersebut untuk menghasilkan penulisan artikel atau bahan-bahan bercorak ilmiah. Proses mendapatkan data atau maklumat akan menjadi suatu yang agak rumit kerana melibatkan demografi dan peruntukan kewangan yang besar. Matlamat untuk melaksanakan penyelidikan akan terganggu. Hal yang demikian akan menjadi lebih mudah dan bersifat fleksibel sekiranya data atau maklumat dapat diakses dengan pantas, mudah dan murah.

3.3 Cabaran Dalam Pembelajaran Sejarah

Perkembangan TMK dalam era globalisasi dunia hari ini membawa pelbagai cabaran baharu dalam bidang pendidikan. Penggunaan Internet yang merupakan salah satu komponen TMK pada masa kini telah meningkat dengan drastik. Fenomena ini boleh dilihat dari segi penambahan jumlah pengguna di seluruh dunia dan transaksi perniagaan yang dijalankan dalam talian. Pada hari ini, Internet menjadi salah satu medium yang penting dalam bidang pendidikan. Dunia elektronik yang juga dikenali sebagai media baharu meningkatkan kemudahan berkomunikasi dan menawarkan ruang dan peluang mengakses maklumat yang pelbagai sekali gus menawarkan beberapa peluang Pendidikan yang dapat dieksploitasi sepenuhnya. Melalui alat komunikasi yang tertera, kita dapat memanfaatkan platform seperti mel elektronik (e-mel), mengakses maklumat di World Wide Web (WWW), jurnal elektronik, arkib dalam talian, peta dalam talian dan senarai diskusi elektronik.

Pendemokrasian pendidikan yang dibawa oleh perkembangan pesat media baharu ini seharusnya dimanfaatkan oleh golongan pendidik di Malaysia. Antaranya ialah peluang berkomunikasi dan membina jaringan antarabangsa dengan para pendidik di dalam dan luar negara. Dalam masa yang sama, pendemokrasian pendidikan juga menggalakkan golongan pendidik untuk mula menggunakan pendekatan pelbagai disiplin atau antara disiplin dalam menjadikan pengajaran dan pembelajaran sejarah lebih menarik dan bersifat interaktif.

Walau bagaimanapun, perlu diingat, walaupun pendekatan pelbagai disiplin ditekankan, namun komponen utama masih berfokuskan ilmu 181endi berbanding disiplin lain yang membentuk ilmu sampingan bagi melengkapi pengajaran dan pembelajaran 181endi. Media 181endi dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) masih belum dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pendidik 181endi di Malaysia. Sebagai contohnya ialah penggunaan platform seperti *Twitter*, *Facebook*, *LinkedIn*, *Pinterest*, blog dan sebagainya. Platform sebegini seharusnya dimanfaatkan oleh para pendidik dalam menarik minat Generasi Z dan Alpha. Perlu juga diketahui, para pendidik bukannya tidak 181endi TMK namun mereka tidak mengaplikasikannya bagi tujuan 181endidikan. Sebaliknya mereka sering menggunakan bagi tujuan sosial dan peribadi.

3.4 Ke arah Celik Digital

Pendekatan *Digital Humanities* harus diterokai dan diaplikasikan dalam PdPc di Malaysia sejajar dengan hasrat kerajaan Malaysia. Sejak tahun 2013, penekanan pembelajaran yang berfokuskan kepada *Virtual Learning Environment* atau pelantar pembelajaran maya diperkenalkan. Seajar dengan hasrat tersebut, Kerajaan menyediakan kemudahan proses pembelajaran e-pembelajaran dan sambungan Internet kepada 10,000 buah sekolah di Malaysia dengan jaminan jalur lebar 4G yang mempunyai kelajuan yang tinggi di bawah program 1 BestariNet. Di bawah projek 1BestariNet, sekolah-sekolah akan dilengkapi dengan penyelesaian bersepadu yang membolehkan pengajaran, pembelajaran, kolaborasi dan pentadbiran dijalankan melalui Persekitaran Pembelajaran Maya (Frog VLE) yang berasaskan internet, yang boleh diakses di sekolah atau di mana juga, dengan adanya sambungan Internet (Internet Yes 4G) (<https://www.moe.gov.my/teknologi-pendidikan>).

Pendekatan Digital Humanities diyakini mampu memberikan impak yang sangat signifikan dalam memantapkan penyaluran maklumat sejarah dan mengasah bakat yang mendalam terhadap disiplin sejarah. Ini kerana kaedahnya yang bercorak interaktif, inovatif dan menarik. Sekiranya pendekatan tersebut diaplikasikan, konotasi yang menyatakan sejarah sebagai subjek yang membosankan akan dapat dikikis (Shakila Yacob, 2015: xxi).

Media baharu yang berbentuk digital menggalakkan komunikasi tanpa sempadan yang berbentuk interaktif melalui penggunaan internet, media sosial, blog, wiki, sistem pesanan ringkas (SMS) dan sebagainya. Telefon pintar juga berfungsi sebagai alat media baharu dan digunakan secara meluas dalam PdPc namun perlu dikawal agar tidak disalahgunakan. Dalam konteks hari ini, media baharu menjadi salah satu alat yang penting dalam merevolusikan bidang pendidikan. Platform tersebut meningkatkan kemudahan berkomunikasi dan menawarkan peluang mengakses maklumat yang pelbagai. Hal yang demikian dapat memberikan peluang pendidikan yang dapat dieksploitasi sepenuhnya.

Melalui penggunaan alat komunikasi yang interaktif, kita boleh menghantar dan menerima pelbagai maklumat dengan saluran tersebut. Salah satu pendekatan yang boleh digunakan dalam menarik dan memupuk minat pelajar terhadap mata pelajaran sejarah ialah dengan menggunakan peta. Pendekatan

geografi dalam pendidikan sejarah sangat signifikan dalam membincangkan dan memahami peristiwa sejarah. Ini akan membawa kepada kefahaman terhadap peristiwa sejarah dan lokasi sekaligus. Hasrat ini juga sesuai dengan pendidikan ke arah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

3.4.1 Internet

Penggunaan media baharu dapat membentuk budaya atau sifat yang tidak mementingkan diri sendiri. Selain penggunaan bahan rujukan dan sumber kepakaran yang terdapat dalam Internet. Kerjasama dalam talian yang dijalinakan dapat menawarkan pelajar peluang untuk berkongsi pengalaman pembelajaran dan juga mendapatkan sumber maklumat bukan elektronik. Pendekatan baharu kepada bidang pendidikan telah berubah kepada pembelajaran dalam talian, hibrid dan juga model kolaboratif. Media sosial akan meninggalkan impak yang besar terhadap cara berfikir, berinteraksi, mempersembahkan idea dan maklumat serta berkomunikasi (Shakila Yacob, 2015: 5). Penggunaan kreatif laman web, blog atau *Facebook* akan menjadikan pembelajaran menjadi lebih kreatif dan memugar minat pelajar. Terdapat banyak sumber menarik dalam internet yang boleh dimanfaatkan oleh para pendidik sejarah. Namun, para pengguna harus bijak dalam mengakses maklumat agar data yang diperoleh boleh dipercayai kesahihannya.

3.4.2 *Virtual Reality (VR)* dan *Augmented Reality (AR)*

Kini, realiti maya dan persekitaran mengasyikkan merupakan trend kajian yang diaplikasikan dalam pelbagai bidang saintifik dan pendidikan. Media digital memerlukan pendekatan baharu yang berkaitan ciri interaktif dan mengasyikkan yang bermaksud reka bentuk penceritaan serta perhubungan yang baru dengan pengguna. Dalam pada itu, teori teknologi maklumat dan komunikasi wujud menerusi senario yang interaktif dan menarik. Ini adalah penting untuk mereka bentuk dan mempamerkan atau mewakili maklumat serta membantu meningkatkan interaksi antara pengguna dan persekitaran yang imersif. Realiti maya (VR) turut merupakan teknologi terkini yang memperkenalkan pendekatan baru yang membolehkan kita berinteraksi dengan persekitaran realiti. VR dan teknologi imersif mempunyai potensi tinggi untuk mengubah dunia sebenar kepada cara yang kita ingin berinteraksi (Wong Seng Yu, 2023:41). *Augmented Reality (AR)* adalah teknologi yang memadukan elemen-elemen dunia nyata dengan elemen-elemen virtual atau digital.

3.4.3 Enjin Carian Pelbagai

Google adalah merupakan salah satu enjin carian pelbagai yang ada di internet dengan kelajuan carian pantas. Di samping itu terdapat juga perkhidmatan berbayar seperti *Google Answers*. Bagi membekalkan menyediakan maklumat kepada pelajar, guru dan penyelidik, enjin carian *Google Scholar* boleh digunakan. Para pengguna boleh mendapatkan pelbagai bentuk bahan penerbitan yang dimuat naik ke laman web tersebut secara percuma. Hal yang demikian juga membina rangkaian hubungan antara penyelidik dan pengguna. Di samping itu, *Yahoo* yang dilancarkan sejak tahun 1994 masih relevan dalam mencari maklumat berharga sejarah. *AskJeeves* pula merupakan enjin carian di mana pengguna boleh mengajukan soalan dalam bahasa Inggeris dan akan mengandungi pangkalan data maklumat hamper tujuh juta (Shakila Yacob, 2015: 35-35).

Bagi penyelidik yang melaksanakan disiplin kajian lisan dalam penyelidikan, mereka boleh merujuk kepada *The Oral History Review* (<https://www.tandfonline.com/journals/uohr20>). Laman web ini adalah hasil usaha sama yang dijalin antara empat organisasi di Amerika Syarikat iaitu American Historical Association (AHA), Organization of American Historian (OAH), University of Illinois Press dan National Press Academy. Laman ini telah dilancarkan pada 30 Mac 2000 dengan matlamat mencipta pusat sumber sejarah yang utama di Internet bagi sejarawan.

Bagi peminat dan pengkaji sejarah, penelitian terhadap majalah sejarah terkemuka Britain sejak tahun 1951 boleh diakses melalui *History Today*. Setiap isu mencakupi artikel menarik berkaitan pelbagai subjek sejarah. Majalah ini memuatkan kebanyakan kandungannya dalam talian dan terdapat bahagian untuk Sejarahwan Muda, Forum Sejarah, Sejarah dalam berita dan pautan kepada perpustakaan dan Muzium British (<https://www.historytoday.com/>).

"Teknologi informasi tanpa sempadan" merupakan takrifan hampir tepat yang boleh kita definisi kepada media baharu. Laman sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *MySpace*, *Digg*, *Delicious* dan sebagainya merupakan terjemahan kepada media baharu yang amat berpengaruh kepada pengguna. Platform tersebut banyak memberikan manfaat kepada kita dalam komunikasi, perhubungan jarak jauh, jalinan silaturrahim, mengembangkan perniagaan, menyebarkan dakwah dan sebagainya kepada masyarakat tanpa sempadan. Banyak lagi kebaikan yang boleh disalurkan dengan kecanggihan media baharu yang menjadi fenomena dalam dunia tanpa sempadan (<https://nuraishahalias.blogspot.com/p/pengenalan.html>).

3.4.4 Artificial Intelligence (AI)

Perkembangan tamadun manusia itu sendiri berasaskan kepada sejarah dan tidak boleh dipisahkan. Sejarah adalah elemen penting dalam pembangunan jiwa dan kerangka negara bangsa. Kemajuan sesebuah peradaban terletak kepada kekuatan pensejarahannya. Mata pelajaran sejarah menjadi kerangka asas sejak persekolahan rendah iaitu bermula pada Tahun Empat. Sejarah juga menjadi subjek wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), kursus sejarah menjadi pilihan mengikut ketetapan universiti masing-masing. Boleh dikatakan kebanyakan IPT mengekalkan kursus Kenegaraan Malaysia sebagai subjek teras yang wajib lulus. Konotasi pelajar yang menyatakan sejarah adalah kursus yang membosankan perlu diubah. Pelajar sering mengatakan bahawa pelajaran sejarah sinonim dengan tarikh, orang dan tempat yang sering memerlukan hafalan.

Pendidikan di Malaysia sebagai suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan sepertimana terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Usaha ini pada akhirnya adalah bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Inti pati utama Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah untuk melahirkan warganegara yang seimbang rohani dan jasmani yang bakal memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat dan negara. Perkembangan pesat teknologi dengan lahirnya berbagai jenis media sosial dan terkini teknologi AI (teknologi kecerdasan buatan) akan memberikan cabaran yang besar kepada proses pengajaran dan pembelajaran (PdPc) sejarah di negara ini.

Perkembangan IT memberi cabaran besar kepada pembelajaran dan pengajaran masa kini kerana bergerak terlalu pantas. Kemajuan pesat teknologi maklumat hari ini pastinya memberi kesan kepada minat generasi muda terhadap bidang sejarah. Ia memberikan impak kepada pelajar, guru-gurudan juga masyarakat. Justeru itu PdPc yang bersifat kontemporari dan mendekati pelajar perlu digunakan.

Teknologi kecerdasan buatan (AI) melalui ChatGPT merupakan salah satu trend terkini yang telah mempengaruhi manusia seluruh dunia. Kemunculan ChatGPT memberi kesan yang hebat dalam sistem pendidikan negara dari peringkat rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi. Maklumat

yang dikehendaki berada di hujung jari dan mudah dicapai dengan segera. Para pendidik perlu memikirkan kerangka PdPc yang berada di luar kotak yang bersesuaian dan boleh digunakan dengan kaedah Chat GPT. Antara kaedah yang boleh digunakan dalam pembelajaran sejarah ialah mengaplikasikan 3M iaitu Merekod, Menganalisis dan Mentafsir. Tiga kaedah ini dirasakan dapat membantu pembelajaran sejarah di samping menggunakan kaedah ChatGPT sebagai asas.

Kaedah merekod merangkumi usaha sama ada menyusun, mengorganisasi dan menstruktur dengan cara membangunkan strategi dalam bilik darjah untuk menghubungkan pelajar dengan sesuatu peristiwa dengan lebih mendalam. Dalam hal ini, pelajar perlu mencari peristiwa sejarah yang menarik minat pelajar untuk merasai secara emosi dalam sejarah yang mereka pelajari. Pelajar boleh diberikan tugas bercorak interaktif yang berkaitan dengan perekodan dengan bantuan ChatGPT. Setelah itu, peristiwa tersebut disusun menggunakan kaedah yang mudah untuk difahami dan menggunakan penyampaian yang menarik. Pelajar juga boleh diberikan pelbagai aktiviti bersifat bercapah yang melibatkan beberapa buah negara di dunia. Hal yang demikian dapat meluaskan perspektif mereka agar tidak menganggap sejarah itu milik negara mereka sahaja. Ini secara tidak langsung mendidik pelajar membuat liputan tentang peristiwa sejarah global dan di luar kotak.

Kaedah kedua adalah dengan cara menganalisis fakta yang diperoleh melalui ChatGPT. Maklumat yang diperoleh boleh dibandingkan dengan fakta yang terkandung dalam buku sejarah. Di sini secara tidak langsung pelajar telah diajar untuk belajar perkara asas dalam analisis. Pelajar juga boleh ditugaskan untuk mencari beberapa penulisan sejarah yang ditulis oleh penulis Barat tentang negara ini dan menganalisis pendapat atau penulisan mereka. Ini akan membawa kepada kemahiran Semak, banding dan menganalisis peristiwa sejarah.

Akhir sekali pelajar perlu diajar bagaimana untuk mentafsir sesuatu peristiwa sejarah. Sesuatu peristiwa yang berlaku semestinya ada cerita dan pengajaran yang tersendiri. Dalam hal ini, pelajar perlu belajar untuk mentafsir sejarah berdasarkan peristiwa yang berlaku sama ada memberikan pengajaran, pengalaman atau ilmu baharu. Justeru itu, teknologi AI akan memberikan pelajar Kemahiran mendapatkan fakta. Dari fakta tersebut pelajar akan belajar melahirkan idea baharu atau memberi pendapat sendiri berdasarkan fakta yang telah diperoleh (<https://news.umpsa.edu.my/experts/revolusi-pembelajaran-sejarah-aplikasi-kaedah-3m-di-era-ai>).

Walau bagaimanapun perlu diingat bahawa pencarian mengenai AI perlu direkodkan bagi mendidik pelajar ke arah yang lebih berintegriti. Pencarian awal bahan adalah digalakkan namun perlu hanya sekadar panduan bagi meneruskan kajian secara empirikal. Bahan atau data yang diperoleh perlu dibuat kritikan dan semak silang. Justeru, penyelidik perlu memiliki pemikiran terbuka, rasional dan telus terhadap sumber. Elakkan memetik atau merakam maklumat sahaja tanpa membuat analisis. Kritikan yang dilaksanakan bukan sahaja berperanan memastikan kesahihan bukti, malah membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat tambahan yang diperlukan. Penceritaan lisan yang diperoleh perlu disemak silang secara teliti kerana pengkaji akan mudah dipengaruhi oleh elemen tokok tambah dan bias. Justeru itu, penyelidik perlu menyemak, memilih, mentafsir dan membandingkan fakta bagi pengesahan kesahihan sesuatu peristiwa. Dalam membandingkan dapatan yang diperoleh melalui sumber lisan, perbandingan dan semakan fakta dengan maklumat daripada sumber sejarah yang lain sangat penting. Ini kerana melalui perbandingan fakta daripada pelbagai sumber, pengkaji akan memperoleh data dan maklumat tepat. Ini sangat penting bagi mendokumenkan dan menyokong kebenaran sejarah daripada sesi wawancara bersama informan yang dilaksanakan (Mohamed Ali Haniffa, 2024: 10).

3.5 Sejarah Gunaan di Malaysia

Sejak awal lagi bidang sejarah merupakan ilmu yang bersifat gunaan apabila Ibn Khaldun (1986) mengatakan bahawa pada hakikatnya, sejarah (fann al-tarikh) merupakan catatan tentang masyarakat manusia. Sejarah Gunaan adalah bidang baharu yang kompetitif dan berkembang pesat di Eropah serta Australia sejak tahun 1980-an. Benjamin F. Shambaugh sebagai pelopor menyatakan bahawa Sejarah Gunaan ialah usaha menggabungkan disiplin sejarah dengan cabang ilmu yang lain. Beliau menyatakan sebagai “when the historians across the traditional wall.” Menurut beliau lagi, sejarah gunaan ialah penggunaan pengetahuan saintifik sejarah dan pengalaman dalam usaha untuk menyelesaikan masalah semasa kebaikan manusia (Rohani, 2023: 4). Pendekatan baharu yang diaplikasikan bersifat integratif dan tumpuan diberikan terhadap masa depan disiplin sejarah serta kebolehpasaran graduan. Ini memerlukan kurikulum kursus sejarah di institusi pengajian tinggi dibuat penambahbaikan ke arah yang bersifat integratif dan interaktif. Kandungan kursus sejarah perlu bersifat kontemporari dan bersesuaian dengan keperluan pembangunan negara.

Perlu diberikan perhatian bahawa sejarah bukan hanya satu disiplin kaku yang diajar di sekolah dan universiti tetapi ianya adalah sesuatu yang hidup dan mempunyai relevan dan fungsi sosialnya (Shamsul Amri Baharuddin, 2013: t.t.). Pandangan ini bersesuaian dengan ungkapan yang dilahirkan oleh Geoffrey Barraclough dalam bukunya *The Main Trends in History* iaitu “History is on the move...” (Abd Ghapha Harun & Rupawan Ahmad, 2020: 33-57). Pendapat ini selari dengan bidang sejarah gunaan yang jelas berlainan dengan pendekatan bidang sejarah tradisional yang menekankan tentang kepentingan peristiwa sejarah (masa lalu) dengan masa hadapan dan kepentingannya untuk masa hadapan serta cuba membentuk pemikiran sejarah yang ternyata lebih berbentuk ‘intangible’ atau tidak ketara.

Sejarah Gunaan dikenali sebagai Sejarah Awam di Eropah dengan menggabung dan menyepadukan beberapa cabang ilmu seperti pengurusan arkib, muzium serta pemuliharaan. Nilai tambah meliputi teknologi maklumat dan *Artificial Intelligence* turut diterapkan. Kini, universiti awam mula mengorak langkah bagi memperkenalkan bidang baharu ini sebagai transformasi disiplin. Antara pelopor di Malaysia ialah Universiti Utara Malaysia yang menawarkan program Sarjana Muda Sejarah Gunaan Dengan Kepujian.

Dalam usaha memasyarakatkan ilmu sejarah, medium penyampaian perlu dinamik, ringan dan menghiburkan. Digitalisasi sejarah perlu berfokuskan kepentingan khalayak namun keseragaman dan keintelektualan akademik perlu terpelihara kerana karya yang dipersembahkan akan mempengaruhi masyarakat. Implementasi pelbagai jenis aktiviti pasti akan menjadi daya penarik. Tambahan pula apabila program pengajian yang ditawarkan berupaya memenuhi keperluan industri. Justeru itu, budaya cakna dan bersaing dengan negara-negara maju di dunia seperti Jepun, Korea Selatan, China serta Singapura yang memartabatkan pendidikan sejarah secara lebih progresif dapat dibina.

Modal insan yang bakal dilahirkan perlu kompeten dalam menguasai fakta dan aplikasi. Kepakaran yang dimiliki akan menjadi produk yang boleh dipasarkan. Ini akan menjadi penyelesaian kepada kelompongan *story teller* di institusi seperti permuzium yang menjadikan industri tersebut semakin lesu. Bakal graduan diharapkan menjadi sebahagian daripada kekuatan institusi pelancongan, warisan, arkib dan permuzium di Malaysia. Dalam memperkasakan bidang tersebut, para pendidik perlu menghadam kekuatan ilmu baharu dan menjadi pemudah cara yang berkesan. Matlamat program perlu difahami kerana persoalan tersebut akan menjadi panduan bagi membentuk kursus berorientasikan kepada pemindahan latihan (Mohamed Ali Haniffa, 28 Januari 2025:19).

Secara keseluruhannya kemunculan pendekatan baru dalam disiplin sejarah di Malaysia adalah selari dengan perkembangan yang berlaku di seluruh dunia terutamanya di Eropah dan Amerika Syarikat. Sejarah gunaan juga merupakan pendekatan baru di negara kita yang berkembang sama ada dalam disiplin yang tersendiri ataupun bersama-sama dengan disiplin disiplin yang lain. Transformasi disiplin sejarah ini dilihat sebagai serampang dua mata iaitu memaksimumkan peranan fundamental sejarah dalam pembangunan negara bangsa Malaysia.

4. KESIMPULAN

Media baharu berpotensi besar dalam merevolusikan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan ilmu sejarah dalam sebuah masyarakat Malaysia yang berasaskan pengetahuan. Terdapat juga sebahagiannya yang mempersoalkan kewibawaan penggunaan platform tersebut. Ramai yang mempersoalkan mengenai kebimbangan bahawa media baharu akan mengambil terus peranan kaedah konvensional. Bagi menangani permasalahan tersebut, tatacara penggunaan media sosial sebagai salah satu platform PdPc ilmu sejarah boleh ditetapkan sejak awal lagi. Penerimaan dan penggunaan teknologi baharu akan dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran sejarah bagi pelajar dan juga pendidik. Laman sesawang yang tersenarai berupaya menyediakan contoh inovatif bagaimana Internet boleh dan dapat digunakan secara interaktif dalam kelas. Hal yang demikian juga dapat membuang persepsi negatif mengenai sejarah itu hanyalah satu subjek yang memerlukan hafalan sahaja.

Penggunaan media baharu dalam sejarah mengajak pelajar dan guru atau pendidik menerokai atau meninjau isu sejarah melalui satu usaha sama pembentukan aktiviti PdPc. Inisiatif ini dapat menggalakkan penggunaan pelbagai kaedah bagi meningkatkan pemahaman sejarah. Sejarawan yang berada di IPT seharusnya berperanan dengan mereka cipta projek sejarah digital yang mengembangkan bidang penting dalam pemahaman sejarah dan juga kaedah inkuiri sejarah. Projek digital yang diusahakan dengan menggunakan dwibahasa akan membenarkan sarjana tersebut berkongsi idea dan kepakaran di peringkat antarabangsa. Teknologi baharu memberikan kelebihan dalam memuat naik atau memuat turun sumber primer ataupun sekunder. Ini termasuk visual dan gambar lama yang jarang digunakan dalam kaedah konvensional. Penggunaan media baharu membolehkan pelbagai imej dapat dikongsi dalam dunia pendidikan. Harmonikan perbincangan mengenai fakta 186 sejarah negara sebagai usaha memugar perhatian dan minat pelajar sejak di peringkat persekolahan terhadap bidang 186jara ini. Garis asas pembinaan 186jara Malaysia perlu dilakukan secara kolektif tanpa wujud percanggahan. Usaha murni bagi pemeraksanaan memerlukan komitmen, kepakaran dan sokongan pemain 186 sejarah 186. Ilmu 186 sejarah perlu dijadikan sebagai teras penyatuan bangsa Malaysia.

5. PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah di atas sokongan dan ruang yang diberikan kepada penulisan dan pembentangan artikel dalam Seminar Pasak 10.

6. RUJUKAN

Anuar, A., Rahman. S.T.A., & Abdullah, N. A. (2009). Tahap keupayaan pengajaran guru Sejarah dan hubungannya dengan pencapaian murid di Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 34(1), 53–66.

- Abd Ghapa Harun & Rupawan Ahmad. (2020). "Sejarah di universiti ke arah pengajian integratif". Dalam Idea dan penerapan Sejarah Awam di Malaysia. UKM Press.
- Ford, A. (2015). What is a History education? Marc Bloch, The Historian's Craft, and the case for an Annaliste Model of School History. Disertasi Sarjana Sastera. Universiti Leeds Trinity.
- Hazri Jamil. (2003). *Teknik mengajar sejarah*. PTS Publications & Distributors.
<https://khairulanam.weebly.com/sejarah-media-baru.html>), diakses pada 12 Julai 2025
<https://nuraishahalias.blogspot.com/p/pengenalan.html>, diakses pada 12 Julai 2025.
<https://news.umpsa.edu.my/experts/revolusi-pembelajaran-sejarah-aplikasi-kaedah-3m-di-era-ai>, diakses pada 12 Julai 2025.
<https://www.moe.gov.my/teknologi-pendidikan>, diakses pada 15 Julai 2025.
<https://www.tandfonline.com/journals/uohr20>, diakses pada 16 Julai 2025.
<https://www.historytoday.com/>, diakses pada 16 Julai 2025.
- Shamsul Amri Baharuddin, (2013). "Sejarah untuk semua: Antara fakta, tafsiran dan pandangan umum". Ucaputama untuk Persidangan Kemuncak Sejarah, anjuran Persatuan Sejarah Malaysia, 17-18 Disember 2013.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2015). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSM Tingkatan Satu. Bahagian Perkembangan Kurikulum. Kuala Lumpur.
- Kaviza, M. (2021). Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pendidikan Sejarah: satu sorotan kajian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(11), 490–500.
- Mohamed Ali Haniffa. (2023). "Membina Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dalam pembelajaran kursus Kenegaraan Malaysia: sudut pandangan seorang pendidik", *International Journal of Humanities Technology And Civilization* ISSN: 2289-7216 E-ISSN: 2600-8815 VOLUME 8, ISSUE 2, 2023, 132 – 141, DOI: <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v8i2.9778>.
- Mohamed Ali Haniffa. (2024). "Keterangan Lisan dan Banding Silang: Penelitian terhadap Sumber Sejarah Konflik Etnik Melayu-Cina, 1945-1955", *MUNSYI Jurnal Pengajian Sejarah* Vol. 2 No. 2, 2024, 1-15.
- Panduan pengurusan mata pelajaran Sejarah sekolah rendah sekolah menengah. (2019). Jemaah Nazir Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya.
- "Perkasakan Sejarah Gunaan di Malaysia", Mohamed Ali Haniffa, *Utusan Malaysia*, 28 Januari 2025, hlm. 19.
- "Kemahiran Pemikiran Sejarah, penelitian sudut pandang seorang pendidik", Mohamed Ali Haniffa, *Sinar Harian*, 26 Ogos 2020, hlm. 1.
- Rohani Ab Ghani. (2023). Sejarah Gunaan: Pendekatan Baru Pensejarahan Di Malaysia. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, Vol. 1. (July), 1-8, file:///C:/Users/PC/Downloads/SEJARAH_GUNAAN_PENDEKATAN_BARU_PENSEJARA_HAN_DI_MAL.pdf.
- Rozita Ngah Mohamad & Zaliza Md. Zali. (2005). Meningkatkan kemahiran menjawab soalan esei Sejarah kertas 2 SPM. Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPBA 2005, hlm. 106-113.
- Wong Seng Yu. (2023). *Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Berbantuan Teknologi dalam Revolusi Industri 4.0* Penulis, Batu Pahat, Penerbit UTHMU.
- Wawancara melalui aplikasi Webex dengan Dr. Salmah Omar, Penyelaras Kursus Kenegaraan Malaysia, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, pada 2 September 2021.
- Wawancara melalui aplikasi *Webex* dengan Dr. Zulhilmi Paidi, Ketua Unit Sejarah dan Kenegaraan, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, pada 2 September 2021.